

Headline  
Date  
Media Title  
Section  
Circulation  
Readership

Sechelles imbas sultan dibuang

11. Sep 2008

Berita Harian

Hip

217920

2083000

Language

MALAY

Page No

24,25

Article Size

1717 cm2

Frequency

Daily

Color

Full Color

AdValue

30375.76



# Seychelles

## imbas sultan dibuang

Oleh Dr Talib Samat  
bhnews@bharian.com.my

**M**ENJEJAK kesan sejarah Sultan Abdullah dari Perak dan pengikutnya yang dibuang British pada 1877 ke Republik Seychelles, di Lautan Hindi, dapat mengimbas kembali perjuangan pemimpin silam yang terpaksa di perantauan akibat perjuangan menhalau penjajah. Ia sesuai kita kenang, terutama pada bulan kemerdekaan negara ke-51 sekarang.

Ketika berkunjung selama seminggu ke Seychelles, awal tahun ini, penulis menemui beberapa bahan sejarah yang dapat menambah khazanah ilmu pengetahuan rakyat negara ini.

Buku sejarah negara sebelum ini, menyebutkan 47 pengikut dan pembesar termasuk Sultan Abdullah yang dibuang negeri ke Pulau Seychelles pada 1877 yang mengambil masa hampir sebulan perjalanannya dengan menggunakan kapal laut Caerstone.

Namun, bukurujukan yang terdapat di Arkib Negara Seychelles mencatatkan 37 orang saja, hal ini diperkukuhkan lagi dalam buku Seychelles oleh Peter Vince (1989:62).

Selain itu, seorang pengikut Sultan Abdullah yang bertugas sebagai tukang masak bernama Suvana tidak ikut pulang ke Singapura dan Perak apabila pihak Inggeris membenarkan

Sultan Abdullah pulang ke Perak pada 1894.

Suvana sebaliknya terus menetap di Pulau Mahe, Seychelles dan berkahwin dengan rakyat tempatan. Suvana menukar agamanya kepada agama Kristian kerana pengaruh persekitaran dan budaya barat di Seychelles.

Perkahwinan beliau dengan rakyat tempatan melahirkan beberapa orang anak hingga melahirkan beberapa generasi Melayu yang bercampur dengan rakyat Seychelles, tetapi kini sudah tidak boleh berbahasa Melayu.


Sewaktu, cicit Sultan Abdullah iaitu Yang Mulia Raja Teh Zaitun berkunjung ke Seychelles dan disambut oleh Presiden Seychelles bagi menghadiri suatu majlis di bandar Victoria, Seychelles. Keturunan dan cicit Suvana datang menghadiri majlis itu untuk saling kenal-mengenal di antara satu sama lain.

Raja Teh Zaitun turut bersedekah kepada masjid dan menziarahi makam Aliah dan Auliah (dayang Sultan Abdullah yang mati akibat demam malaria) di Pulau Mahe. Kunjungan Raja Teh Zaitun besar artinya dalam merapatkan hubungan Malaysia dengan Republik Seychelles.

Kematian dan persemadian Allah dan Auliah secara Islam terbukti dengan kewujudan batu nisan yang biasa digunakan orang Perak dulu dan mempunyai batu nisan Aceh. Kemungkinan rombongan 37 orang warga Perak yang dibuang daerah oleh penjajah Inggeris pada 1877 dulu membawa bersama batu nisan yang punya pengaruh Aceh.



Asal usul irama, rentak lagu Negaraku didakwa kerap didengar kerabat




IN THE NAME OF ALLAH, THE BENEFICENT  
THE MERCIFUL

THE FOUNDATION STONE OF THIS MOSQUE  
WAS LAID BY MR SULEMAN ADAM,  
PRESIDENT OF THE ISLAMIC SOCIETY  
OF SEYCHELLES, ON 10 ZHUL-HIJJAH 1401  
CORRESPONDING TO 9 OCTOBER 1981.



**CANTIUK:** Bekas rumah Sultan Abdullah yang dibuang ke Seychelles pada 1877, masih tersergam indah.



**JADI SEJARAH:** Bekas peninggalan pengikut Sultan Abdullah yang masih ada di Seychelles.

Ia bukan sesuatu yang sukar ditolak kerana 37 warga dan pembesar Perak sudah mengetahui kemungkinan mereka akan mati di negara orang dan berserah diri kepada Allah terhadap apa juga nasib mereka, manakala Suvana yang murtad dan masuk Kristian dikebunkan secara Kristian.

Penemuan lain yang penting ialah rumah kediaman Sultan Abdullah dan pengikutnya yang terletak di Union Vale, beberapa kilometer dari bandar Victoria, Mahe, Seychelles masih wujud sehingga sekarang.

Rumah itu dibeli dan dimiliki pegawai Jabatan Pertanian Seychelles, Dr Moulinie yang pernah menuntut di Universiti Pertanian (Putra) Malaysia, dan fasih berbahasa Melayu. Di sekeliling bekas rumah Sultan Abdullah, terdapat pokok mempalam yang

ditanam Sultan Abdullah.

Dalam kunjungan itu, penulis turut menemui rumah tradisional Perak tidak jauh dari Mount Vale, namun ia sudah musnah, yang hanya tinggal tapaknya saja. Mungkin dicadangkan perlunya wujud kerjasama antara kerajaan Seychelles dan Malaysia untuk membangunkan semula rumah tradisional itu.

Sultan Abdullah adalah orang pertama memperkenalkan nasi lemak yang menggunakan daun pandan dan permainan kriket kepada rakyat Seychelles. Permainan kriket sewaktu tengah cuaca panas diperkenalkan Sultan Abdullah untuk merapatkan hubungan sosial dengan warga Seychelles.

Baginda juga berminat dengan pertanian dan menanam pokok pisang di sekeliling rumahnya untuk mengisi kekosongan masa lapang

sambil mengenangkan tanah airnya di bumi Perak.

Penulis turut mendapati, penduduk tempatan cukup mengenali Malaysia, terutama bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad kerana mengkritik kuasa besar.

**FAKTA NOMBOR**

**106**  
pulau

Sekitar Seychelles

**80,000**  
orang

Jumlah penduduk

**1,000**  
orang

Jumlah penduduk Islam

Kelantangan Dr Mahathir menyuarakan isu dan pendapatnya menyebabkan pandangan Malaysia dihormati dan menjadi rujukan mereka.

Selain itu, ramai pegawai Republik Seychelles dari pelbagai jabatan seperti Jabatan Pertanian dan Arkib Negara Seychelles berkursus dan belajar di Malaysia untuk mendapatkan ilmu dan pengalaman. Dalam pada itu, kakitangan Arkib Negara Malaysia juga sering berkunjung ke Arkib Negara Seychelles untuk pencarian maklumat dan data mengenai sejarah Malaysia di sini.

Bahan dan catatan mengenai pembuangan Sultan Abdullah dan pengikutnya banyak tersimpan di Arkib Negara Seychelles yang menggamit pengkaji, penyelidik dan peneliti Malaysia berkunjung untuk menyelongkar pel-

bagai tafsiran dan kupasan mengenai Sultan Abdullah.

Mengenai asal usul lagu 'Negaraku', ia sebenarnya bermula di sini dan sumber rujukan mengenainya tersimpan kemas di Arkib Negara Seychelles. Asal usul lagu dan irama 'Negaraku' berasal daripada lagu Rosalie yang sering didengar Sultan Abdullah memberikan ilham kepada gubahan lagu 'Terang Bulan'.

Lagu ini kemudiannya diubah menjadi lagu rasmi kerajaan Perak dan kemudian iramanya disesuaikan sebagai lagu kebangsaan negara iaitu lagu 'Negaraku'. Asal usul irama dan rentak lagu pengaruh Perancis yang sering didengar Sultan Abdullah di depan rumahnya di Union Vale diperindahkan menjadi lagu 'Terang Bulan' dan kemudiannya disebut lagu 'Negaraku'.

Kunjungan ke Seychelles, membolehkan kita melihat keindahan 106 pulau yang terletak di Lautan Hindi, yang hanya didiami 80,000 penduduk dengan jumlah kira-kira 1,000 penganut Islam yang terdiri penduduk tempatan, India, China dan Eropah.

Tiga bahasa utama yang digunakan di sini ialah bahasa Inggeris, Creole, Perancis dan bahasa Asia seperti Tamil dan China. Kepelbagaian rakyat Seychelles ini berkait rapat juga dengan penjajahan kuasa barat seperti Portugis, Perancis dan Inggeris yang menjadikan pelbagai pengaruh mereka di segi penamaan jalan, sungai, bangunan, tempat dan sebagainya. Begitu juga akhbar Seychelles memuatkan beberapa versi bahasa perantaraan untuk melariskan jualan akhbar mereka.



**KENANGAN:** Penulis bersama Dr Moukinie (kanan) yang kini pemilik rumah Sultan Abdullah.



**TENANG:** Pulau Seychelles menjadi tumpuan pelancong.